

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan bidang geologi?
A Bidang yang berkaitan angkasa
B Bidang yang mengkaji sumber-sumber sejarah
C Bidang yang berkaitan hidupan di muka bumi
D Bidang ilmu yang mengkaji pembentukan bumi

2. Gambar berikut menunjukkan *Wolly Mammoth* yang hidup pada Zaman Air Batu.



Haiwan tersebut hidup pada

- A** Zaman Miosen
 - B** Zaman Pliosen
 - C** Zaman Pleistosen
 - D** Zaman Holosen
3. Pembentukan fizikal bumi berlaku perubahan sehingga hari ini. Apakah hidupan yang hidup pada 390 juta tahun dahulu?
A Ikan
B Anjing
C Kucing
D Badak sumbu

4. Iklim telah mempengaruhi perubahan bentuk fizikal bumi menjadi daratan dan lautan.

Apakah yang membentuk dataran?

- A** Laut
- B** Selat
- C** Teluk
- D** Tanah pamah

5. Apakah peringkat keempat pada Zaman Air Batu?

- A** Miosen
- B** Pliosen
- C** Pleistosen
- D** Holosen

6. Apakah yang terkandung dalam Teori Milankovitch yang berkaitan pusingan bumi?

- A** Matahari semakin hampir dengan bumi
- B** Zaman Air Batu berakhir disebabkan perbezaan suhu
- C** Perubahan suhu menyebabkan bumi semakin hampir dengan matahari
- D** Pusingan bumi mengelilingi matahari menyebabkan bumi menjadi panas

7. Perkembangan manusia berlaku pada setiap Zaman Air Batu.

Apakah kemajuan yang dicapai pada Zaman Holosen?

- A** Pertanian
- B** Perikanan
- C** Perhutanan
- D** Perindustrian

8. Pernyataan berikut mengenai perubahan Zaman Air Batu Akhir.

Suhu bumi mengalami cuaca panas sejak 8,500 tahun dahulu. Kepanasan suhu menyebabkan kecairan air batu.

Proses ini dinamakan

- A kecairan
 - B pembekuan
 - C kondensasi
 - D pengglasieran
9. Pada Zaman Air Batu manusia hidup di kawasan tanah pamah yang sejuk. Apakah cara kehidupan manusia ketika itu?
- A Tetap dan bertani
 - B Tetap dan pertanian
 - C Nomad dan perindustrian
 - D Nomad dan memburu binatang
10. Berdasarkan cuaca pada Zaman Air Batu Akhir, apakah tumbuhan yang mampu hidup pada masa itu?
- A Bunga dan rumput
 - B Rumput dan rumpai
 - C Pokok rendah dan bunga
 - D Rumput dan tumbuhan menjalar
11. Gambar berikut menunjukkan perubahan Zaman Air Batu yang telah membentuk tasik-tasik yang terdapat di bumi kini.



Apakah tasik tersebut?

- A Tasik Chini
- B Tasik Kenyir
- C Tasik Bora
- D Tasik Dayang Bunting

12. Kepupusan binatang berlaku semasa Zaman Air Batu Akhir, iaitu pada tahap Pleistosen.

Apakah haiwan yang telah pupus?

- A Kuda
- B Gajah
- C Badak
- D Harimau bertaring

13. Pernyataan berikut mengenai perubahan iklim bumi.

Tindakan manusia menyebabkan bumi mengalami perubahan iklim daripada sejuk kepada sederhana sejuk.

Apakah tindakan yang perlu dilakukan untuk mengelakkan suhu semakin meningkat?

- A Perindustrian
- B Pembakaran terbuka
- C Kelestarian alam sekitar
- D Pembakaran enjin kenderaan

14. Apakah kesan yang paling nyata berlaku pada Zaman Akhir Holosen?

- A Pembentukan laut dan teluk
- B Pembentukan sungai dan laut
- C Pembentukan sungai dan tasik
- D Pembentukan teluk dan sungai

15. Maklumat berikut mengenai kesan perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara.

Kecairan air pada peringkat akhir menyebabkan air mengalir ke sungai dan menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pembentukan Teluk Arab
- B Pembentukan Pentas Sunda
- C Pembentukan Laut Jawa
- D Pembentukan Laut China Selatan